



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH**  
**Dokumen Penjajaran Kurikulum**

**PENDIDIKAN MUZIK**

**TAHUN 2**

**EDISI 2**



## KATA PENGANTAR



Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan penjajaran kurikulum selaras dengan pengumuman pembukaan semula sekolah berdasarkan Takwim Persekolahan 2020 yang dipinda. Pada ketika itu, Kandungan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) telah diujicajakan bagi tujuan kegunaan pengajaran dan pembelajaran bagi memenuhi keperluan pembelajaran murid yang terkesan lanjutan daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Susulan penutupan semula sekolah sepenuhnya mulai 9 November 2020, sekolah telah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) sehingga hari terakhir persekolahan bagi tahun 2020. Meskipun guru telah berusaha untuk melaksanakan PdPR, namun masih terdapat cabaran dari aspek pelaksanaannya yang akan memberi implikasi terhadap pembelajaran murid pada tahun 2021. Sehubungan dengan itu, KPM telah memutuskan untuk meneruskan pelaksanaan Penjajaran Kurikulum Versi 2.0 bagi tahun 2021.

Penjajaran Kurikulum Versi 2.0 merupakan usaha KPM bagi membantu guru untuk memastikan kelangsungan pembelajaran murid dilaksanakan. Kurikulum yang diujicajakan ini bukanlah

kurikulum baharu, tetapi kurikulum sedia ada yang disusun semula berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSR serta ditambah baik daripada dokumen penjajaran kurikulum sebelumnya. Kandungan kurikulum disusun berdasarkan kandungan asas yang perlu dikuasai oleh murid. Manakala, kandungan tambahan dan pelengkap perlu diajar bagi menyokong keseluruhan pembelajaran sesuatu mata pelajaran yang boleh dilaksanakan melalui pelbagai kaedah dan teknik pembelajaran.

Harapan KPM agar guru dapat terus merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran pada tahun 2021 dengan lebih berkesan. KPM juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam melaksanakan kurikulum yang diujicajakan.


### **Dr. LATIP BIN MUHAMMAD**

Timbalan Pengarah Kanan  
(Kluster Dasar dan Sains & Teknologi)  
Bahagian Pembangunan Kurikulum  
Kementerian Pendidikan Malaysia




Tajuk	Standard Kandungan/Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
1.1 Elemen Muzik		<p>1.1.1 Mengenal dan membezakan tempo cepat dan lambat.</p> <p>1.1.2 Mengenal dan membezakan pergerakan melodi bertangga dan melodi mendatar.</p> <p>1.1.3 Mengaplikasikan pemahaman berkaitan tempo cepat dan lambat menerusi aktiviti muzik .</p> <p>1.1.4 Mengaplikasikan pemahaman berkaitan pergerakan melodi dalam aktiviti muzik.</p>	

Tajuk	Standard Kandungan/Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
2.1 Nyanyian	<p>2.1.1 Bernyanyi dengan postur yang betul.</p> <p>2.1.2 Bernyanyi dengan pic yang betul.</p> <p>2.1.3 Bernyanyi mengikut tempo.</p> <p>2.1.4 Bernyanyi dengan perubahan tempo.</p>		

Tajuk	Standard Kandungan/Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
2.2 Permainan Alat Perkusi	<p>2.2.1 Memainkan alat perkusi mengikut tempo.</p> <p>2.2.2 Memainkan alat perkusi mengikut detik lagu berdasarkan skor ikon</p> <p>2.2.3 Memainkan alat perkusi mengikut corak irama berdasarkan skor ikon yang mewakili</p> <p>nilai </p>		

Tajuk	Standard Kandungan/Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
2.3 Bergerak Mengikut Muzik	2.3.1 Membuat pergerakan berdasarkan melodi dari muzik yang didengar.  2.3.2 Membuat pergerakan berdasarkan tempo cepat dan lambat.		



Tajuk	Standard Kandungan/Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
3.1 Pengkaryaan Muzik	<p>3.1.1 Menghasilkan pelbagai bunyi menggunakan bahan improvisasi.</p> <p>3.1.2 Mencipta corak irama mudah menggunakan ikon mewakili nilai </p>	3.1.3 Memainkan hasil ciptaan sendiri.	

Tajuk	Standard Kandungan/Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
4.1 Penghayatan Karya Muzik		4.1.1 Membuat ulasan terhadap muzik masyarakat Malaysia yang didengar daripada aspek: (i) jenis muzik (ii) masyarakat yang mengamalkan muzik tersebut	

Tajuk	Standard Kandungan/Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
5.1 Persembahan Muzik			5.1.1 Merancang persembahan muzik. 5.1.2 Membuat persembahan muzik. 5.1.3 Mengamalkan nilai murni dalam aktiviti muzik.





Bahagian Pembangunan Kurikulum  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E  
62604 Putrajaya  
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917